

# Pemimpin Cina beri reaksi pembangunan pada Abdullah

PUTRAJAYA 6 Ogos - Wakil masyarakat Cina hari ini menyampaikan pandangan mereka kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung peranan dan penyertaan yang lebih berkesan semua kaum dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Kumpulan berkenaan terdiri daripada empat menteri MCA, wakil Dewan Perniagaan Cina Malaysia dan Gabungan Persatuan-Persatuan Cina Malaysia itu memberikan maklum balas kepada Perdana Menteri, antarlain berkaitan dengan program pembangunan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Mereka diketuai oleh Presiden MCA yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Ka Ting yang ditemui pemberita selepas mengadakan perbincangan serta dialog selama dua jam setengah dengan Perdana Menteri berkata, kaum Cina di negara ini akan turut memberi kerjasama terbaik dan berkesan dalam pelaksanaan RMK-9.

"Baru-baru ini kerajaan mengumumkan banyak rancangan pembangunan yang baik untuk negara. Kita masyarakat Cina juga ada beberapa pandangan yang mungkin boleh membantu kerajaan menjayakan rancangan itu.

"Perdana Menteri juga banyak mengulas mengenai pembangunan ekonomi dan kita bersedia memberi pandangan bagi memastikan ia lebih berkesan dan hari ini kita diterima oleh beliau untuk tujuan itu," katanya di perkarangan Seri Perdana di sini.

## Perancangan

Mengulas lanjut, Ka Ting berkata, melalui dialog dan perbincangan tersebut, wakil-wakil masyarakat Cina juga lebih faham tentang semua dasar dan perancangan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan.

Ditanya mengenai 'agenda-agenda' tertentu mengenai penyertaan masyarakat Cina dalam pembangunan "ekonomi yang mungkin disampaikan kepada Perdana Menteri, beliau berkata, ia hanya merupakan pertemuan biasa,

"Tidak ada apa-apa rungutan atau memorandum. Kami datang hanya membawa idea dan maklum balas yang mewakili pandangan keseluruhan masyarakat Cina supaya pelaksanaan RMK-9 lebih berjaya dan berkesan.

'Memang pandangan kami hari ini tertumpu kepada agenda ekonomi untuk meningkatkan keupayaan negara kita. Itu sahaja dan kami telah lama ingin mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri untuk menyampaikan pandangan ini,' tambah beliau.

Sementara itu, Ka Ting berkata, dalam pertemuan tersebut wakil masyarakat Cina dan Perdana Menteri sependapat bahawa kerenah birokrasi dalam perkhidmatan awam dan beberapa aspek berkaitan pembangunan dikurangkan.

Sehubungan itu, beliau berkata, wakil-wakil masyarakat Cina itu mengalu-alukan usaha Perdana Menteri untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dan domestik.

"Dalam pertemuan itu juga, kita memberi pandangan bahawa kita mahu melihat sebuah kerajaan yang berkesan melalui sistem penyampaian awam yang baik kerana ia penting sebagai daya tarikan pelaburan," ujar beliau.